



Ruj. Kami : KKM.600-7/2/1 Jld. ()
Tarikh : 7 April 2020

Pengurus
GMI Marketing
No 61-1, Jalan MH 1,
Taman Muzaffar Height,
75450 Ayer Keroh,
Melaka

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN SEMAKAN LABEL BAGI PRODUK MASSHIRO – CAMPURAN
MINUMAN BOTANI SERBUK BUAH STRAWBERI DAN SERBUK BUAH MANGO**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sepertimana yang pihak tuan/puan sedia maklum, semua makanan yang hendak diimport atau dijual di negara ini tertakluk kepada pematuhan terhadap Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
3. Merujuk kepada maklumat dan label yang disertakan, Bahagian ini **tiada halangan** ke atas label produk yang dikemukakan. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan bertanggungjawab untuk memastikan produk tuan/puan mematuhi:
 - 3.1. **Peraturan 356**, Peraturan-Peraturan Makanan 1985;
 - 3.2. Peruntukan lain yang berkaitan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
4. Adalah menjadi tanggungjawab pihak tuan/puan untuk memastikan hanya label yang telah dikemukakan sahaja digunakan bagi produk untuk dipasarkan di negara ini. Sebarang tuntutan atau akuan yang tidak dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 tidak boleh terdapat pada label atau iklan produk makanan.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)

5. Adalah ditegaskan bahawa surat ini tidak boleh digunakan sebagai kelulusan atau untuk tujuan pengiklanan produk tuan/puan. Surat ini akan **terbatal** sekiranya terdapat apa-apa pengubahsuaian kepada formulasi dan label serta percanggahan maklumat yang dikemukakan semasa permohonan berbanding produk di pasaran.
6. Bagi sebarang pertanyaan, pihak tuan/puan boleh berhubung dengan Pn. Liyana Mohamad Nizar di talian 03-8885 0761.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TOSIAH BT ABDULLAH)

b.p Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia